Panadol

menstrual

Paracetamol 500mg dan Pamabrom 25mg

Setiap tablet mengandungi 500mg Paracetamol, 25mg Pamabrom, *Croscarmellose Sodium, Opadry Pink YS-1-1232, D&C Red 27 AL-Lake, Pregelatinized Starch, Magnesium Stearate, Microcrystalline Cellulose, Carnauba Wax.*

Deskripsi Produk
Kaplet berbentuk kapsul yang bersalut nipis merah jambu, dengan tulisan 'PANADOL' di kedua-dua belah permukaan. Tanpa bau dan warna.

Indikasi
Untuk kelegaan simptom kembung perut, kenaikan berat badan akibat penyerapan air, sakit kepala, demam, sakit belakang dan sengal-sengal otot yang berkaitan dengan kesakitan dan ketidakselesaan sebelum dan ketika haid.

Dos yang disyorkan
Wanita sedang haid yang berumur 12 tahun ke atas: 1-2 kaplet setiap 4-6 jam bila perlu.
Dos maksimum harian: 8 kaplet (4000mg paracetamol, 200mg pamabrom)
• Jangan melebihi dos yang disyorkan.
• Dos paling rendah yang dapat memberi keberkesanan harus digunakan untuk tempoh rawatan yang paling singkat.
• Selang minimum antara dos: 4 jam.
• Tempoh maksimum penggunaan: Dari 5 hari sebelum sehingga 5 hari selepas permulaan haid, sehingga keseluruhan 10 hari.
• Pengambilan secara oral sahaja.

Kanak-Kanak: Bukan untuk kegunaan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Children: Not for use in children less than 12 years.

Wanita yang tidak haid: Bukan untuk kegunaan wanita yang tidak haid.

Lelaki: Bukan untuk kegunaan lelaki.

Kemerosotan buah pinggang
Pesakit didiagnosis mengalami masalah buah pinggang mesti mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil ubat ini. Batasan yang berkaitan dengan penggunaan produk-produk paracetamol dan pamabrom pada pesakit dengan masalah buah pinggang adalah akibat terutamanya daripada kandungan paracetamol dalam ubat (sila rujuk kepada Amaran dan Perhatian)

Kemerosotan hati
Pesakit yang didiagnosis mengalami masalah hati mesti mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil ubat ini. Batasan yang berkaitan dengan penggunaan produk-produk paracetamol dan pamabrom pada pesakit dengan masalah hati adalah akibat terutamanya daripada kandungan paracetamol dalam ubat (sila rujuk kepada Amaran dan Perhatian).

Cara Pengambilan
Oral

Kontraindikasi
Jangan ambil jika:
• anda alah kepada paracetamol, pamabrom atau kandungan lain dalam ubat ini.
• anda tidak boleh membuang air kecil
• anda hamil atau menyusukan bayi

Amaran dan Perhatian
Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kerana ia boleh menyebabkan kerosakan serius pada hati anda.
Sentiasa membaca dan mengikut arahan pada label.

Rujuk kepada doktor anda sebelum guna jika anda:
• mempunyai masalah hati atau buah pinggang.
• kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.
• kerap minum alkohol.

Anda mungkin perlu untuk mengelakkan penggunaan produk ini sama sekali atau mengehadkan jumlah paracetamol yang anda ambil.

Rujuk kepada doktor anda sebelum guna jika anda:
Mengalami jangkitan yang teruk, kekurangan zat makanan, kurang berat badan atau peminum alkohol kronik kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuk:
- Pernafasan yang mendalam, cepat dan sukar
- Rasa sakit (mual), sakit (muntah)
- Hilang selera makan

Hubungi doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasi gejala-gejala ini.
Hubungi doktor dengan segera jika anda menerima rawatan untuk tekanan darah tinggi atau kegagalan jantung, atau mengambil "pill air" yang juga dikenali sebagai diuretik.
Sila jumpa doktor jika gejala masih berlarutan.

Ubat ini mengandungi paracetamol. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

AMARAN ALAHAN: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Gejala-gejala termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Jika reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.
Jauhkan daripada kanak-kanak/ Keep out of sight and reach of children.

Interaksi dengan Ubat-ubatan Lain
Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda mengambil warfarin atau ubatan yang serupa bagi mencairkan darah.
Kesan *anticoagulant* warfarin dan *coumarins* yang lain mungkin ditingkatkan dengan penggunaan harian paracetamol yang berpanjangan sebab peningkatan risiko pendarahan; dos sekali sekala tidak mempunyai kesan yang ketara.

Kehamilan dan Penyusuan
Kehamilan
Tidak disyorkan untuk diambil semasa kehamilan, kecuali atas nasihat perubatan.
Not recommended for use during pregnancy, except on medical advice.
Paracetamol
Seperti penggunaan ubat lain semasa mengandung, wanita hamil perlu mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil paracetamol. Dos efektif terendah dan tempoh rawatan terpendek harus dipertimbangkan.

NPA005374
CAY-908

Pamabrom
Tiada data mengenai kesan pamabrom semasa kehamilan.

Penyusuan
Pengambilan semasa penyusuan tidak disyorkan, kecuali atas nasihat perubatan.
Not recommended for use during breastfeeding, except on medical advice.

Paracetamol
Paracetamol dikumuhkan dalam susu ibu tetapi tidak dalam kuantiti yang ketara secara klinikal dengan dos yang disyorkan. Data tersedia yang diterbitkan tidak mengkontraindikasi penyusuan.

Pamabrom
Tiada data mengenai kesan pamabrom semasa penyusuan.

Kesan Sampingan
Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor serta-merta jika:
- anda mengalami reaksi alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, adakala beserta masalah pernafasan atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka
- anda mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut
- anda pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami reaksi yang serupa dengan produk ini
- anda mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya

Reaksi-reaksi ini jarang berlaku.

Paracetamol:
Daripada data pasca pemasaran, reaksi-reaksi di bawah ini sangat jarang berlaku:
Trombositopenia, anafilaksis, reaksi hipersensitiviti kulit termasuk, antara lain, ruam kulit, angioedema, sindrom *Stevens-Johnson* dan Nekrolisis Epidermis Toksik, bronkospasme pada pesakit yang sensitif terhadap aspirin dan NSAID lain, disfungsi hati.

Pamabrom:
Daripada data pasca pemasaran, kekerapan reaksi-reaksi berikut tidak diketahui:
Reaksi hipersensitiviti kulit, termasuk ruam kulit, angioedema, urtikaria dan letusan tetap ubat.

Gejala-gejala dan Rawatan Terlebih Dos
Jika terambil dos berlebihan:
Dapatkan nasihat perubatan dengan segera walaupun anda tidak mengalami sebarang gejala kerana terdapatnya risiko kerosakan hati.
Pusat Racun Negara [(Telefon: +604-657 0099, Laman web: www.prn.usm.my (http://www.prn.usm.my/), Emel: prnnet@usm.my (mailto: prnnet@usm.my)].

Paracetamol
Gejala dan Tanda
Pengambilan dos paracetamol yang berlebihan boleh menyebabkan kegagalan hati yang mungkin memerlukan pemindahan hati atau menyebabkan kematian. Pankreatitis akut telah diperhatikan, biasanya dengan disfungsi hati dan keracunan hati.

Rawatan
Tindakan rawatan perubatan diperlukan segera sekiranya berlaku dos berlebihan, walaupun tidak ada gejala akibat terlebih dos.
Sekiranya berlebihan dos disahkan atau disyaki, dapatkan nasihat segera daripada Pusat Racun Negara dan rujuk pesakit ke Pusat Perubatan Kecemasan terdekat untuk rawatan pakar. Ini harus dilakukan walaupun pada pesakit tanpa gejala atau tanda terlebih dos kerana terdapatnya risiko kerosakan hati yang tertunda.
Penggunaan *N-acetylcysteine* atau *methionine* mungkin diperlukan.

Kesan Keupayaan Memandu dan Menggunakan Mesin
Tiada kesan yang diketahui kepada keupayaan memandu dan menggunakan mesin.

Farmakodinamik
Mekanisme Tindakan
Paracetamol adalah sejenis analgesik dan antipiretik. Mekanisme tindakannya dipercayai termasuk perencatan sintesis prostaglandin, terutamanya di dalam pusat sistem saraf (Botting 2000).
Pamabrom ialah derivatif *xanthine* dengan molekul yang berkaitan dengan *8-bromotheophylline* yang telah terbukti menunjukkan sifat diuretik yang sederhana dan sementara (DiGirolami et al 2004).

Kesan-kesan Farmakodinamik
Paracetamol
Kekurangan perencatan prostaglandin periferal menghasilkan sifat farmakologi yang penting seperti pemeliharaan prostaglandin pelindung di dalam saluran gastrousus. Oleh itu, paracetamol adalah sangat sesuai untuk pesakit yang mempunyai sejarah penyakit atau yang sedang mengambil ubat bersamaan, di mana perencatan prostaglandin periferal tidak diingini (seperti, sebagai contoh, mereka yang mempunyai sejarah pendarahan gastrousus atau orang-orang tua) (Konturek 1984, Matzke 1996, Lanza 1998, Singh 2000, Blot 2000, Lewis 2002).

Pamabrom
Tindakan diuretik daripada pamabrom terutamanya mempengaruhi perkumuhan natrium dan klorida tanpa kesan yang konsisten kepada perkumuhan potassium (DiGirolami et al 2004).

Farmakokinetik
Paracetamol

Penyerapan
Paracetamol diserap dengan pantas dan hampir keseluruhannya daripada saluran gastrousus.

Pengagihan
Pautan kepada protein plasma adalah minimum pada kepekatan terapeutik.

Metabolisme
Paracetamol dimetabolismekan di dalam hati dan dikumuhkan melalui air kencing terutamanya sebagai glukuronida dan sulfat konjugat.

Penyingkiran
Kurang daripada 5% dikumuhkan sebagai paracetamol yang tidak diubahsuai.

Pamabrom
Tiada data farmakokinetik yang tersedia untuk pamabrom. Sebatian utama yang berkaitan dengan *xanthine* adalah tertakluk kepada pelepasan hepatik yang meluas oleh kedua-dua sistem *cytochrome* P450 dan *xanthine oxidase* (DiGirolami 2004). Tiada interaksi yang dilaporkan untuk pamabrom pada dos yang biasa (DiGirolami 2004).

Cara Penyimpanan
Simpan di bawah suhu 30°C.

Saiz Pek
20 dan 120 tablet. Bukan semua saiz pek mungkin dipasarkan.

Tarikh Dikemaskini: Julai 2021

Dikilangkan oleh Sterling Drug (Malaya) Sdn Bhd (4578-P)
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.
Untuk Pemegang Pendaftaran Produk: GlaxoSmithKline Consumer Healthcare Sdn. Bhd. (3467-X)
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.
Diedarkan di Brunei oleh Kingston Beverage & Creamery Sdn. Bhd.
Plot 73, Lot 3, 4, 5 & 6, Beribi Industrial Complex,
Jalan Gadong BE1118, Negara Brunei Darussalam.

1-800-88-3225 **ml.customer-relations@gsk.com**

Cap dagangan adalah dimiliki oleh atau dilesenkan kepada kumpulan syarikat GSK.
©2021 kumpulan syarikat GSK atau pemberi lesennya.

NPA005374
CAY-908